



GARIS PANDUAN

PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA

PEPEJAL PIHAK BERKUASA

TEMPATAN SARAWAK

2024

KEMENTERIAN KESIHATAN
AWAM, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
SARAWAK



Maklumat dan Kawalan Versi Dokumen:

No. Dokumen	1/2024
No. Keluaran	1
No. Pindaan	0
Tarikh Kuatkuasa	1 Januari 2025
Kategori Dokumen	Terbuka

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I

1	PENDAHULUAN	1
2	OBJEKTIF	1
3	TARIKH BERKUATKUASA	2
4	DEFINISI	2
	4.1 Sisa Domestik	
	4.2 Sisa Pukal	
	4.3 Sisa Pembinaan	
	4.4 Sisa Halaman	
	4.5 Tong Sampah	
	4.6 Tong Sampah Roll On Roll Off (RORO)	
	4.7 Pusat Tong Sampah (Bin Centre)	
	4.8 Kontrak	
	4.9 Kontraktor	
	4.10 Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal	
	4.11 Perkhidmatan Standard	
	4.12 Perkhidmatan Tambahan	
	4.13 Perkhidmatan Pemulihan	
	4.14 Insinerator	
5	INVENTORI	4
6	SKOP KERJA PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL	5

BAHAGIAN II

7

PERLAKSANAAN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

6

7.1 Sebelum Kutipan

7.2 Semasa Aktiviti Kutipan (mempunyai akses jalan raya)

7.3 Semasa Aktiviti Kutipan (tidak akses jalan raya)

7.4 Selepas Aktiviti Kutipan

8

KEPERLUAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL YANG EFEKTIF DAN SERAGAM

9

8.1 Tenaga Kerja

8.2 Peralatan dan Logistik

BAHAGIAN III

9

KAEDAH PEMANTAUAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

12

10

REKA BENTUK KONTRAK (CONTRACT DESIGN)

14

10.1 Skop Kontrak

10.2 Tempoh Kontrak

10.3 Kaedah Perolehan

10.4 Jadual Ketidakpatuhan Standard Kualiti

10.5 Pengiraan Harga Perkhidmatan Pemulihan

10.6 Penamatan Kontrak

11

KAJIAN SEMULA KEBERKESANAN

19

12

PENUTUP

19

13

RUJUKAN

19

14

LAMPIRAN

20

BAHAGIAN I

1. PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk mewujudkan piawaian perkhidmatan kutipan sisa pepejal untuk dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Sarawak. Ia meliputi aspek-aspek perancangan, kaedah dan pelaksanaan pembersihan serta sistem pemantauan yang menyeluruh supaya kualiti dan mutu perkhidmatan menjadi lebih kos efektif dan seragam di semua PBT.

Dengan adanya dokumen ini maka pelaksanaan dan pengurusan aktiviti-aktiviti tersebut diharap akan lebih mudah, seragam dan seiring dengan Post Covid Development Strategy (PCDS) 2030.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Mewujudkan Garis Panduan bagi memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang berkesan dan seragam.
- 2.2 Menetapkan tempoh masa kontrak dan syarat-syarat penyambungan kontrak perkhidmatan kutipan sisa pepejal di PBT.
- 2.3 Mewujudkan sistem zon yang sistematik untuk membantu dalam perancangan perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang berkesan.
- 2.4 Mewujudkan keseragaman perkhidmatan yang diberikan bagi semua PBT dan memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.
- 2.5 Meningkatkan ketelusan akauntibiliti dalam tugas-tugas kutipan sisa pepejal di antara komuniti, kontraktor dan PBT.
- 2.6 Mewujudkan satu dokumen rujukan bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai satu tahap kualiti yang telah digariskan.

- 2.7 Meningkatkan dan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan PBT, mengawal kos dan perbelanjaan secara berhemat serta mengurangkan risiko gangguan operasi perkhidmatan.
- 2.8 Mengurangkan aduan mengenai perkhidmatan kutipan sisa pepejal seperti sisa tidak di kutip mengikut jadual, pembuangan sisa secara haram, limpahan air *leachate* dari lori sampah.

3. TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini berkuatkuasa pada **1 Januari 2025**. Semua PBT di Sarawak hendaklah menggunakan Garis Panduan ini mulai tarikh tersebut. Walaubagaimanapun, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Lembaga Kemajuan Bintulu adalah digalakkan menggunakan garis panduan ini.

4. DEFINISI

4.1 Sisa Domestik

Sisa domestik merupakan bahan-bahan buangan yang dibuang dari kawasan perumahan atau apa-apa bahan sekerap atau bahan lebihan lain yang tidak dikehendaki atau keluaran yang ditolak yang timbul daripada penggunaan apa-apa proses.

4.2 Sisa Pukal

Merujuk kepada sisa pepejal yang bersaiz besar atau panjang termasuk sofa, tilam, perkakas elektrik, tayar, plastik, barangan kayu, dahan pokok dan sebagainya.

4.3 Sisa Pembinaan

Sisa pepejal yang dihasilkan daripada apa-apa aktiviti pembinaan atau perobohan termasuk kerja pemajuan, penyediaan, pembaikan atau pengubahan. Contoh: batu bata, simen, kayu, besi dan sebagainya.

4.4 Sisa Halaman

Merujuk kepada pokok, daun, tumbuhan menjalar, rumput atau akar yang melekat dengan tanah dan apa-apa sisa hasil daripada aktiviti tanaman yang hendak dilupuskan.

4.5 Tong Sampah

Tong sampah merujuk kepada mana-mana bekas untuk penyimpanan sementara sisa yang berpenutup dengan saiz, spesifikasi dan kualiti yang ditetapkan oleh pihak PBT sebelum dikutip dan dilupuskan.

4.6 Tong Sampah *Roll On Roll Off* (RORO)

Tong sampah besar yang digunakan untuk menyimpan sementara pelbagai jenis sampah seperti sampah domestik, komersil, industri, berkapasiti 5-10 m³ atau lebih sebelum ianya dilupuskan.

4.7 Pusat Tong Sampah (*Bin Centre*)

Tempat yang digunakan untuk meletak tong-tong sampah secara berkelompok.

4.8 Kontrak

Merujuk kepada perjanjian formal dengan syarat- syarat tertentu antara dua pihak **atau lebih.**

4.9 Kontraktor

Syarikat swasta yang dilantik oleh PBT dan berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam bidang dan kelas yang tertentu.

4.10 Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal

Semua kerja mengutip, mengangkat dan membersihkan sisa pepejal.

4.11 **Perkhidmatan Standard**

Kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang dilaksanakan dalam keadaan biasa.

4.12 **Perkhidmatan Tambahan**

Kerja perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang perlu ditambah akibat berlakunya keadaan luar biasa seperti pengambilan sisa pukal, sisa haram dan pertambahan tong yang disebabkan oleh pertambahan pembangunan serta sampah akibat bencana alam seperti banjir di kawasan pentadbiran PBT.

4.13 **Perkhidmatan Pemulihan**

Kerja-kerja pemulihan yang perlu dilaksanakan untuk mencapai standard kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan.

4.14 **Insinerator**

Insinerator adalah merupakan kaedah pelupusan sisa yang melibatkan proses pembakaran bahan sisa.

5. INVENTORI

Memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal yang efektif berlandaskan perancangan yang rapi, berjadual dengan sistem penyeliaan yang mantap. PBT haruslah terlebih dahulu mewujudkan inventori dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Inventori tersebut hendaklah dikemaskini secara berkala dan mengandungi profil terperinci kawasan seperti berikut:

- i. Peta lokasi;
- ii. Bilangan zon perkhidmatan kutipan sisa pepejal;
- iii. Bilangan dan lokasi pusat tong sampah (jika ada);
- iv. Jenis dan bilangan premis;
- v. Jenis dan bilangan tong sampah;
- vi. Rekod jumlah berat sisa pepejal yang dikutip (bagi PBT yang berkaitan);

- vii. Rekod pengesanan kenderaan (GPS);
- viii. Rekod lokasi mesin kompos dan hasil sisa kompos;
- ix. Rekod lokasi mesin *incinerator*;
- x. Rekod bilangan dan pusat kitar semula; dan
- xi. Rekod bilangan kakitangan yang menguruskan perkhidmatan kutipan sisa di PBT (*supervisor*, jumlah lori dan sebagainya)

6. SKOP KERJA PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

Meliputi kerja-kerja mengutip, mengangkat dan pembersihan sisa:

- i. Di dalam dan di luar tong sampah (yang berselerak);
- ii. Di tong Sampah Berpusat (*Bin Centre*) termasuk kerja-kerja membersihkan tapak tersebut; dan
- iii. Menyusun atur kedudukan tong sampah di tempat yang dibenarkan dengan kemas dan rapi.

BAHAGIAN II

7. PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

7.1 Sebelum Kutipan

- i. Pekerja wajib mematuhi penggunaan pemakaian peralatan perlindungan (PPE);
- ii. Pemeriksaan lori pra-operasi bagi memastikan hanya lori yang berkeadaan baik (tidak melebihi 7 tahun) sahaja dibenarkan beroperasi dan dipastikan semua lori dan peralatan mencukupi dan berkeadaan baik untuk mengelakkan sebarang kelewatan atau masalah kutipan sisa jika berlaku sebarang kerosakan pada kenderaan yang dihantar untuk memungut sisa;
- iii. Saiz dan kapasiti lori adalah tertakluk kepada kawasan operasi dan keperluan PBT masing-masing;
- iv. Bagi lori jenis terbuka (*open truck*) yang digunakan hanya untuk perkhidmatan kutipan sisa pukal atau penggunaan tong sampah jenis RORO (*Roll on Roll off*), kontraktor perlu memastikan lori atau tong sampah tersebut mempunyai penutup kanvas untuk mengelakkan sisa yang penuh dari berterbangan keluar ketika lori sedang bergerak;
- v. Jumlah pekerja yang terlibat hendaklah mengikut keperluan sebenar pelaksanaan perkhidmatan kutipan sisa pepejal;
- vi. Bagi tong sampah yang tidak dikenalpasti (*unspecified bin*), pihak PBT hendaklah mengenalpasti tong tersebut untuk memastikan perkhidmatan kutipan sisa dilaksanakan dengan teratur dan memastikan pemilik premis tersebut hendaklah membuat permohonan kutipan sisa melalui PBT;
- vii. Jenis penyimpanan sisa mengikut premis adalah seperti berikut:
 - a. Bagi premis di kawasan perumahan dan kawasan kampung yang dapat dilalui oleh lori sampah dikehendaki menggunakan tong sampah jenis **MGB 120L 2 roda** untuk menyimpan sampah sementara menunggu kutipan dibuat.

- b. Bagi premis di kawasan Flat, Rumah Panjang dan Kampung (yang tidak dapat dilalui oleh lori sampah) akan disediakan tong sampah jenis **MGB 660L atau 1100L 4 roda** secara berpusat oleh pihak PBT.
- c. Bagi premis perniagaan dikehendaki menggunakan tong sampah jenis **MGB 240L / 660L / 1100L 4 roda** secara berpusat.
- d. Bagi premis Industri dikehendaki menggunakan tong sampah jenis **MGB 660L / 1100L 4 roda** atau **RORO** secara berpusat.
- viii. Speksifikasi tong sampah yang digunakan hendaklah seperti di **LAMPIRAN 1**.
- ix. Kontraktor bertanggungjawab untuk mengganti atau memperbaiki tong sampah yang tidak melebihi 5 tahun dan yang telah rosak sekiranya diadukan rosak oleh orang awam; dan
- x. Menyediakan pusat tong sampah mengikut kesesuaian reka bentuk dan spesifikasi PBT masing-masing dengan kelulusan agensi yang berkaitan.

7.2 Semasa Aktiviti Kutipan (mempunyai akses jalan raya)

- i. Kutipan dilaksanakan mengikut jadual di setiap point pungutan (*collection point*) (contoh: *kerbside* atau pusat tong) yang ditetapkan oleh PBT dan setiap kerja hendaklah dilakukan dengan sempurna dan kemas tanpa meninggalkan sebarang sisa dan bekas;
- ii. Menggunakan peralatan memindahkan sisa yang tidak diletakkan di dalam tong sekiranya perlu seperti p atau lain-lain peralatan;
- iii. Penggunaan kenderaan kompaktor yang menyodok sampah, penyapu mempunyai spesifikasi yang dilengkapi dengan *comb lift mechanism*, tangki pengumpulan *leachate*, peralatan (alat pembukaan tayar, dll), alat keselamatan (contoh: *Beacon Light*, lampu belakang, dll) dan talian aduan atau hotline untuk perkhidmatan kutipan sisa;
- iv. Penghantaran sisa ke tapak pengurusan sisa pepejal yang ditetapkan oleh PBT;

- v. Kontraktor hendaklah memastikan tiada tumpahan air sisa (*leachate*);
- vi. Kontraktor hendaklah memastikan tayar lori sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak mengotorkan jalan raya;
- vii. Pembersihan pusat tong sampah oleh pihak kontraktor di bawah seliaan PBT.
- viii. PBT hendaklah memastikan kontraktor tidak melakukan pembakaran sisa secara terbuka, mempromosikan pembuangan sisa haram dan membuang sisa berbahaya seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

7.3 Semasa Aktiviti Kutipan (tiada akses jalan raya)

- i. PBT hendaklah memastikan perkhidmatan kutipan sisa dilaksanakan di kawasan yang tidak mempunyai akses jalan raya;
- ii. PBT yang mempunyai perkhidmatan kutipan sisa di kawasan yang tidak mempunyai akses jalan raya boleh menggunakan kaedah seperti berikut;
 - a. Menggunakan pengangkutan air seperti bot untuk mengangkut sisa dan dihantar ke pusat tong yang berhampiran;
 - b. Menggunakan kaedah kutipan sisa secara berkelompok seperti pusat tong atau tong sampah RORO yang diletakkan di tempat yang sesuai dan dipersetujui oleh PBT;
 - c. Menggunakan kaedah mesin *incinerator* bagi melupuskan sisa;
 - d. Menggunakan kaedah penanaman atau penimbunan di kawasan yang sesuai; dan
 - e. Menggunakan kaedah kitar semula sisa atau kompos sisa organik.

7.4 Selepas Aktiviti Kutipan

- i. Kontraktor membasuh kenderaan di tempat yang dibenarkan dengan bahan detergen yang sesuai selepas operasi dan diletakkan di lokasi yang ditetapkan;

- ii. Kontraktor melaksanakan pemeriksaan selepas operasi untuk kenderaan dan memaklumkan sebarang kerosakan kepada pihak mekanik;
- iii. Semua peralatan disimpan di depo, stor atau di tempat yang disediakan selepas operasi; dan
- iv. Pekerja dan kakitangan diingatkan agar sentiasa mengamalkan kebersihan diri.

8. KEPERLUAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL YANG EFEKTIF DAN SERAGAM

8.1 Tenaga Kerja

Adalah menjadi tanggungjawab PBT atau kontraktor untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan:

i. Latihan

Pekerja atau kontraktor perlu menghadiri taklimat mengenai fungsi dan tanggungjawab PBT dalam memastikan kebersihan, keselesaan dan keselamatan dalam kawasan di bawah pentadbiran PBT.

PBT hendaklah memastikan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dilakukan secara optima seperti yang digariskan dalam panduan ini. Taklimat berkenaan garis panduan ini hendaklah diadakan bersama pekerja atau kontraktor sebelum kontrak ditawarkan, mengikut keperluan semasa disebabkan penambahan kawasan seliaan baharu PBT.

Jika ada peralatan dan lori khusus digunakan dalam kerja-kerja kutipan sisa pepejal maka latihan khusus berkenaan cara yang betul dan selamat perlu diadakan. Bagi jentera khusus, operatornya hendaklah bertauliah.

ii. Keselamatan

Seperti dalam mana-mana kerja pembersihan, PBT atau kontraktor hendaklah mematuhi kod-kod amalan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja dan orang awam di lapangan. Rujukan hendaklah dibuat kepada

Occupational Safety and Health Act, 1994.

Bagi kerja-kerja melibatkan kutipan sisa pepejal di tepi jalan raya, PBT atau kontraktor hendaklah memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan juga memastikan gangguan trafik di tahap minima dengan mendirikan alat-alat keselamatan jalan mengikut spesifikasi arahan teknik JKR.

iii. **Perlindungan insurans**

PBT atau kontraktor haruslah memastikan pekerja dan orang awam dilindungi insurans. (SOCSO / *workmen's compensation insurance*) (*public liability insurance*) dan lain-lain.

iv. **Keperluan minima**

Pekerja terdiri daripada seorang (1) pemandu dan dua (2) orang pekerja am untuk satu kenderaan. Had umur pekerja yang dibenarkan adalah di antara 18 sehingga 60 tahun dan hendaklah sihat tubuh badan beserta mempunyai rekod kesihatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan.

8.2 Peralatan dan Logistik

i. **Kenderaan/Bot/Motosikal**

Kontraktor hendaklah mempunyai kenderaan yang mengikut spesifikasi PBT untuk kerja-kerja kutipan sisa pepejal tertakluk kepada kawasan operasi dan jenis tong sampah yang digunakan. Pemasangan dan penggunaan peranti atau perisian untuk mengesanan perjalanan kenderaan kontraktor (*Vehicle Tracking Devices/System*) adalah digalakkan pada tahun 2024 dan diwajibkan mulai tahun 2025.

ii. **Peralatan / Perkakas / Alat Keselamatan**

Semua pekerja hendaklah dibekalkan peralatan / perkakas / alat keselamatan semasa bekerja. Untuk pekerja yang melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal, satu set perkakas kerja dibekalkan seperti berikut;

- a. Penyepit sampah;
- b. Penyapu (contoh: penyapu lidi atau *bamboo*);
- c. Penyodok sampah (*dust pan*); dan
- d. Tong sampah mengikut keperluan

Setiap pekerja dibekalkan satu set Peralatan Perlindungan Diri (PPE) seperti berikut;

- a. Pakaian Seragam (disediakan oleh Kontraktor);
- b. *Vest reflector*;
- c. *Boot* dan sarung tangan keselamatan; dan
- d. Pelindung Muka (jika perlu)

iii. **Depo**

Kontraktor hendaklah mempunyai depo untuk penyimpanan lori dan peralatan kutipan sisa dan di selenggara oleh kontraktor.

BAHAGIAN III

9. KAEDAH PEMANTAUAN PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA PEPEJAL

Pemantauan bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal hendaklah menggunakan kaedah seperti berikut:-

i. **Laporan sendiri kontraktor (*Contractor Self Reporting*) dan laporan pemeriksaan di lapangan oleh PBT berdasarkan jadual kutipan sisa**

Kontraktor perlu menyediakan laporan kerja di lapangan seminggu sekali dalam format yang ditetapkan oleh PBT. Ketua Penyelia PBT perlu membuat pemeriksaan di lapangan berdasarkan jadual kutipan terhadap kerja-kerja yang telah dilakukan oleh kontraktor. Laporan sendiri kontraktor, laporan pemeriksaan PBT dan laporan pemeriksaan penggunaan perisian akan digunakan sebagai bahan rujukan pembayaran seperti di **LAMPIRAN 2, 3 dan 4**.

Speksifikasi perkhidmatan kutipan sisa yang perlu dipatuhi oleh kontraktor dan diperiksa oleh Ketua Penyelia PBT adalah seperti berikut:

Bil.	Data	Perkhidmatan Kutipan Sisa Pepejal
1	Kutipan atau Kerja mengikut jadual	✓
2	Disiplin pekerja	✓
3	Peralatan dalam keadaan baik dan berfungsi	✓
4	Tiada keciciran sampah	✓
5	Keadaan tong sampah yang baik dan tidak rosak	✓
6	Tiada longgokan sampah	✓
7	Sampah yang tidak kutip	✓

8	Tiada sampah bertaburan	✓
9	Kenderaan yang berfungsi dan bersih	✓

ii. **Pemantauan yang melibatkan penduduk setempat atau orang awam**

Untuk menggalakkan penglibatan komuniti, PBT adalah bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat kontraktor yang dilantik seperti nombor telefon kontraktor yang melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan juga jadual kutipan sisa pepejal melalui kaedah-kaedah berikut:

- a. Laman sesawang PBT;
- b. Papan notis pemakluman PBT; dan
- c. Apa-apa jenis bahan cetakan.

iii. **Survei Kepuasan Pelanggan**

PBT hendaklah pertamanya mengadakan survei kepuasan pelanggan untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap kepuasan pelanggan ke atas kualiti perkhidmatan kutipan sisa pepejal (*baseline data*). Bagi setiap tahun berikutnya, survei kepuasan pelanggan susulan perlu diadakan untuk mengukur kepuasan pelanggan terhadap kualiti perkhidmatan kutipan sisa pepejal selepas berkuatkuasanya garis panduan ini.

Jumlah aduan yang diterima oleh PBT besertakan dokumen akan digunakan sebagai bukti yang sahih ke atas kegagalan perkhidmatan kutipan sisa di sesuatu kawasan. Ini akan menentukan sama ada kontraktor akan disenarai hitam untuk perkhidmatan kutipan sisa di masa hadapan.

10. REKA BENTUK KONTRAK (*CONTRACT DESIGN*)

10.1 Skop Kontrak

Kaedah kontrak perkhidmatan kutipan sisa adalah berdasarkan kiraan jumlah kutipan sisa (tonnage), kaedah kontrak secara *lumpsum* atau *kutipan mengikut bilangan tong sampah (bin)*.

10.2 Tempoh kontrak

Tempoh maksimum kontrak adalah 5 tahun dengan konsep (3) + satu (1) + satu (1). Sebarang permohonan penyambungan kontrak dalam masa 5 tahun tersebut mestilah dikemukakan kepada Pihak Kementerian untuk kelulusan Yang Berhormat Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum tarikh tamat kontrak, setelah prestasi kontraktor dinilai oleh PBT. Selepas tamat kontrak 5 tahun, kontrak baru hendaklah dibuat semula.

Carta alir proses permohonan penyambungan kontrak perkhidmatan kutipan sisa adalah seperti di **LAMPIRAN 5**.

Borang permohonan bagi kontrak melebihi satu (1) tahun kewangan atau lanjutan kontrak (*extension of contract*) adalah seperti di **LAMPIRAN 6**.

10.3 Kaedah Perolehan

Kaedah perolehan adalah tertakhluk kepada peruntukan di bawah *Local Authorities Financial Regulations 1997*.

10.4 Jadual Ketidakpatuhan Standard Kualiti

Berikut adalah **Jadual Ketidakpatuhan Standard Kualiti** serta tahap kesalahan yang perlu dipotong daripada kontrak dengan menggunakan kiraan *Non-Conformance Report (NCR)* dan mata demerit.

SEGMENT	KETIDAKPATUHAN STANDARD KUALITI	TAHAP KESALAHAN
Kualiti Kerja	Kerja kutipan sisa tidak dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan (bilangan premis yang tidak di kutip adalah tidak melebihi 2 premis)	Major
	Kerja kutipan tidak mengikut masa yang telah ditetapkan	Minor
	Menyebabkan tumpahan sisa di tempat awam semasa kerja kutipan dilakukan	Minor
	Sisa-sisa di sekitar tong tidak dibersihkan	Minor
	Tong sampah tidak diletakkan di tempat asal	Minor

	Penggunaan tong sampah di kawasan umum milik PBT (contoh: tong sampah di pusat bin komersial) untuk mengumpul sisa dari rumah ke rumah	Minor
	Sisa dikumpul dan ditimbun secara terbuka di tepi jalan sebelum dikutip oleh lori	Major
	Membuang dan mengendalikan tong sampah dengan kasar	Minor
	Melaksanakan kerja kutipan dengan bilangan pekerja atau kenderaan yang tidak cukup dan tidak mengikut bilangan yang telah ditetapkan	Minor
	Kebocoran air buangan (<i>leachate</i>) dari lori kutipan sisa ke atas permukaan jalan raya	Major

	Kontraktor tidak menyediakan pemantauan kutipan sisa secara digital	Minor
	Ketidakpatuhan jadual kerja oleh kontraktor	Major
	Kontraktor tidak menghantar laporan sendiri kontraktor	Major
	Kerosakan pada lori sampah tidak diganti dalam tempoh 24 jam sehingga menyebabkan gangguan dalam perkhidmatan kutipan sisa	Major
Keselamatan & Kesihatan dan Persekitaran	Pekerja tidak dibekalkan dengan peralatan perlindungan diri seperti yang telah ditetapkan	Minor
	Kontraktor gagal menyediakan peti pertolongan kecemasan (<i>first aid kit</i>) untuk kegunaan pekerja	Minor
	Penggunaan peralatan dan kelengkapan yang tidak diluluskan	Major

10.5 Pengiraan Harga Perkhidmatan Pemulihan

Jika kontraktor dilantik gagal melaksanakan kerja-kerja kutipan sisa seperti dalam spesifikasi, maka pihak berkuasa tempatan berhak untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan melalui perkhidmatan dalaman ataupun perkhidmatan pihak ketiga. Kos tambahan sebanyak 50% daripada harga unit asal akan dikenakan untuk menampung kos pentadbiran. Kos perkhidmatan pemulihan ini hendaklah dipotong dari jumlah kontrak.

Jika pihak ketiga digunakan untuk melakukan kerja-kerja pemulihan, maka pengiraan pembayaran bagi kerja-kerja tersebut masih berdasarkan kepada kadar harga di bawah kontrak asal.

10.6 Penamatan Kontrak

- a) PBT hendaklah memastikan klausa untuk menamatkan kontrak pada bila-bila masa apabila kontraktor gagal memenuhi obligasi kontrak dimasukkan ke dalam perjanjian dan dikuatkuasakan apabila perlu.
- b) Sebelum menamatkan kontrak, peluang yang munasabah hendaklah diberikan kepada kontraktor. Ini termasuk memberi peringatan, amaran yang cukup dan mengeluarkan surat tunjuk sebab.
- c) Kontraktor hendaklah diberi peluang untuk mempertahankan tindakan penamatan kontrak secara bertulis.
- d) Kontrak boleh ditamatkan sekiranya kontraktor melanggar mana-mana tiga (3) kesalahan major dalam tempoh tiga (3) tahun pertama kontrak. Bagi maksud ini, mana-mana tiga (3) kesalahan minor adalah bersamaan dengan satu (1) kesalahan major.
- e) Cara penyerahan notis dan proses penamatan kontrak hendaklah berpandu kepada syarat kontrak.

11. KAJIAN SEMULA KEBERKESANAN

Mesyuarat kajian semula mengenai keberkesanan pelaksanaan garis panduan ini hendaklah dilakukan mengikut keperluan dari semasa ke semasa berpandukan laporan maklumbalas yang dikemukakan oleh setiap PBT.

12. PENUTUP

Garis panduan ini diguna pakai oleh PBT di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkuatkuasa pada **1 Januari 2025**. Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak berhak meminda dan membuat sebarang perubahan ke atas garis panduan ini.

13. RUJUKAN

- 13.1 The Local Authority Ordinance, 1996
- 13.2 Local Authorities (Cleanliness) By-laws, 1999
- 13.3 Protection of Public Health Ordinance, 1999
- 13.4 Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (LAFR 1997)
- 13.5 *Occupational Safety and Health Act - OSHA 1994*
- 13.6 Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005

14. LAMPIRAN

Bil	Perkara	LAMPIRAN
1.	Speksifikasi tong sampah	LAMPIRAN 1
2.	Laporan sendiri kontraktor	LAMPIRAN 2
3.	Laporan pemeriksaan PBT	LAMPIRAN 3
4.	Laporan pemeriksaan penggunaan perisian	LAMPIRAN 4
5.	Carta alir proses permohonan penyambungan kontrak perkhidmatan kutipan sisa	LAMPIRAN 5
6.	LAFR- Borang 4 - Borang permohonan bagi kontrak melebihi satu (1) tahun kewangan atau lanjutan kontrak (<i>extension of contract</i>)	LAMPIRAN 6



LAMPIRAN 1

STANDARD & SPEKSIKASI TONG SAMPAH UNTUK KEGUNAAN DOMESTIK & KOMERSIAL

No.	Jenis / Buatan	Model	Butiran		Warna	Saiz	Kapasiti
1	High Density Poly Ethylene (HDPE) Bin Standard EN840	120L MGB		Two Wheel Bin	Hijau atau Coklat	92.5cm(H) x 47.5cm(W) x 55.0cm(L)	120 L
2		240L MGB	(Reka bentuk sama, yang beza ialah saiznya)	Two Wheel Bin	Hijau atau Coklat	105.0cm(H) x 72.5cm(W) x 57.5cm(L)	240 L
3		240R MGB		Recycling Two Wheel Bin c/w Lid Locks for Special Feed Open	Coklat, Biru, Oren	92.5cm(H) x 72.5cm(W) x 57.5cm(L)	3 x 240 L
4		660L MGB		Four Wheel Bin	Hijau	117.5cm(H) x 125.0cm(W) x 75.5cm(L)	660 L
5		1100 MGB		Four Wheel Bin c/w Frame, Lifter Dump Trucks (Bulk Bin)	Hijau atau Biru	112.5cm(H) x 135.0cm(W) x 192.5cm(L)	1100 L
6	Logam	5 / 10 cu.yd		Roll-on-Roll-off (Open Top) (RORO)	Hijau atau Coklat	5 / 10 cu.yd	



LAMPIRAN 2

LAMPIRAN 2

LAPORAN KENDIRI KONTRAKTOR

Bil.	Zon/Kampung	Tarikh/Masa	Prestasi Kutipan Sampah			Catatan	Tindakan Kontraktor
			Kutip	Tidak Dikutip	Tumpahan Sampah		

Laporan disediakan oleh

Nama Penyelia Kontraktor :
Syarikat :
Tandatangan :
Tarikh :



LAMPIRAN 3

Laporan Pemeriksaan PBT

Bil	Zon/Kampung	Tarikh/Masa	Prestasi Kutipan Sampah			Catatan	Tindakan Penyelia
			Kutip	Tidak Dikutip	Tumpahan Sampah		

Laporan disediakan oleh:

Nama :

Jawatan :

Tandatangan :

Tarikh :

Disemak dan disahkan oleh:

Nama :

Jawatan :

Tandatangan :

Tarikh :



LAMPIRAN 4

Laporan Pemeriksaan Penggunaan Perisian (NEMOSYS)

Scavenging-Zone4-DECEMBER2023

TARIKH DAN MASA

yyyy-mm-dd

hh:mm

NOMBOR PENDAFTARAN LORI

GAMBAR HADAPAN LORI

Gambar Yang Menunjukkan Keseluruhan Keadaan Lori

Click here to upload file. (< 5MB)

NAMA JALAN

GPS POINT

latitude (x,y °)

longitude (x,y °)

altitude (m)


accuracy (m)





LAMPIRAN 5

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENYAMBUNGAN KONTRAK
PERKHIDMATAN KUTIPAN SISA





LAMPIRAN 6

**BORANG PERMOHONAN BAGI KONTRAK MELEBIHI SATU (1) TAHUN KEWANGAN
ATAU
LANJUTAN KONTRAK (EXTENSION OF CONTRACT)**

BIL	PERKARA				SEMAKAN KKAPKT *(√)/(X)
1	Butiran Kontrak	No. Rujukan	:		
		Nama Kontrak	:		
2	Tujuan Permohonan				
3	Latar Belakang Projek / Perkhidmatan / Bekalan	Tempoh Kontrak Semasa	:		
		Kos Kontrak Semasa	: Sebulan RM _____	: Setahun RM _____	
		Skop/Bidang/Tugas	:		
4	Tempoh Kontrak (Baharu)	:			
5	Justifikasi Permohonan (tujuan kontrak melebihi satu tahun / lanjutan kontrak hendaklah dijelaskan dengan terperinci)	i)			
		ii)			
		iii)			
6	Implikasi Kewangan	Kos Kontrak Baharu	: _____ Sebulan RM _____	: _____ Setahun RM _____	
		Lain-lain Implikasi Jika Ada:			
7	Dokumen Sokongan (Sila kepitkan bersama dengan permohonan ini)				
	A)	Minit Mesyuarat (Minute of Meeting)	Tajuk Mesyuarat:		Tarikh:
	B)	Surat Setuju Terima (Letter of Acceptance)	Tajuk Surat:		Tarikh:
	C)	Perjanjian Kontrak (Contract Agreement)	Tarikh Surat Perjanjian Ditandatangani:		

NOTA:

- Permohonan Lanjutan Kontrak hendaklah dibuat selewat-lewatnya **3 BULAN SEBELUM** tarikh tamat kontrak.
- *Tandakan (√) / (X) dengan menggunakan Pen Merah bagi petak yang berkenaan. (Untuk tindakan pihak Kementerian sahaja)

**KEMENTERIAN KESIHATAN AWAM, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN SARAWAK**

Tingkat 2, Baitul Makmur, Petra Jaya, Medan Raya,
93050 Kuching, Sarawak, Malaysia



<http://mphlg.sarawak.gov.my>



+6082-319614



+6082-311216